



Khamis – 7 Januari 2021

Halaman : 33

Jambatan tenggelam, Orang Asli bina rakit

Oleh AIMUNI TUAN LAH

utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Kira-kira 1,000 penduduk Orang Asli suku kaum Bateq di kawasan berhampiran Aring 5, di sini terputus hubungan apabila dua jambatan menghubungkan penempatan mereka tenggelam pagi semalam.

Difahamkan, jambatan tersebut mula ditenggelami air pukul 7 pagi semalam, selepas hujan lebat sejak malam semalam yang menyebabkan paras air Sungai Lebir dan Sungai Aring naik dengan cepat.

Sebagai alternatif, penduduk di situ, semalam mereka mengambil inisiatif bergotong-royong membina rakit buluh bagi memudahkan menyeberangi sungai dan mengharungi air banjir untuk ke bandar.

Ketua Polis Daerah, Superintendant Sik Choon Foo berkata, paras air sungai di kawasan itu dijangka terus meningkat kerana hujan belum berhenti sehingga petang ini.

Bagaimanapun katanya, ke-

naikan paras air sungai terbabit setakat ini tidak menjelaskan kediaman penduduk di situ.

“Setiap kali hujan lebat, jalan ke kampung itu kerap dinaiki air menyebabkan penduduk sekitar terputus hubungan dan mengalami kesukaran untuk keluar ke pekan atau bandar.

“Kita menasihatkan agar penduduk Orang Asli sentiasa berhati-hati dan memantau keselamatan ahli keluarga masing-masing,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Sementara itu, Penghulu Kampung Aring 5, Raina Anjang berkata, sepanjang bulan lepas, jalan utama ke kampung itu dinaiki air banjir sebanyak dua kali menyebabkan mereka memutuskan untuk membina rakit.

“Sejak pagi ini, penduduk gigih mencari buluh untuk membuat rakit secara bergotong-royong bagi kegunaan kami semasa banjir ini.

“Jika berlaku kecemasan seperti ahli keluarga sakit atau ingin mencari barang keperluan, kami akan menggunakan rakit buluh tersebut,” katanya.



KUMPULAN ORANG Asli suku kaum Bateq bergotong-royong membina rakit selepas dua jambatan yang menghubungkan penempatan mereka di Aring 5 terputus dalam kejadian banjir semalam.